

## **SOALAN LAZIM DITANYA (FAQ)**

### **SPP 19/2008 – PENGUBAHSUAIAN PTK**

#### **SOALAN**

1. Apakah perkara yang diubahsuai dalam PTK yang diperkenalkan dalam SPP Bil 19 Tahun 2008?

#### **JAWAPAN**

##### **Kaedah penilaian:**

- Bagi gred 17 hingga 54 tiga kaedah diperkenalkan:
  - Pusat Penilaian Kompetensi (PPK)
  - Penilaian Kompetensi Berterusan (PKB)
  - Penilaian Berteraskan Latihan (PBL).
- Bagi gred 1 hingga 16, ujian bertulis tidak lagi digunakan sebagai kaedah penilaian.

##### **Aspek pengurusan:**

- kelonggaran syarat menduduki PTK bagi pegawai yang memangku/dipinjamkan/ditukar sementara;
- *kedudukan PTK bagi pegawai yang ditukar lantik;*
- *syarat penumpangan PTK;*
- mewajibkan soalan berkaitan kewangan;
- peningkatan komitmen kepada calon menduduki PTK;
  - penangguhan 12 bulan jika tidak hadir tanpa alasan munasabah
  - peluang sekali sahaja untuk memperbaiki keputusan Aras III
- perubahan bentuk keputusan bagi komponen penilaian;
- *pemanjangan nilai taraf;*
- *penstrukturkan semula program bimbingan PTK selaras dengan program latihan.*

#### **SOALAN**

2. Bilakah pengubahsuai PTK akan dilaksanakan?

#### **JAWAPAN**

Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009

Pelaksanaan sebenar pengubahsuai PTK tertakluk kepada kesediaan pelaksanaan agensi tetapi tidak lewat dari 1 Julai 2009.